



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**
Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564
Faks : 03 8891 5557
Laman Web : www.kpkt.gov.my
Email : media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter : @kpkt_gov
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (10)
Tarikh : 11 Mac 2020

SIARAN MEDIA

YB PUAN HAJAH ZURAIDA KAMARUDDIN KEMBALI BERTUGAS SEBAGAI MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

PUTRAJAYA, 11 Mac 2020 – ‘Bagaikan sirih pulang ke gagang’ YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin hari ini kembali bertugas sebagai Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kehadiran beliau pada jam 11.00 pagi di Kementerian ini telah disambut meriah oleh semua warga KPKT termasuk YB Dato’ Sri Dr. Hj Ismail B. Hj. Abd Muttalib, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang juga mula melaporan diri pagi. Sebaik sahaja beliau tiba, sesi bergambar bersama-sama warga kementerian telah diatur dan ia melibatkan semua barisan kepimpinan kementerian dan juga kakitangan.

YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin dan YB Dato’ Sri Dr. Hj Ismail B. Hj. Abd Muttalib telah mengangkat Sumpah Jawatan Dan Setia Serta Sumpah Simpan Rahsia di hadapan Yang di-Pertuan Agong pada 10 Mac 2020. Dalam pembentangan barisan Kabinet di bawah kepimpinan YAB, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 9 Mac 2020, YB Puan Hajah Zuraida merupakan satu-satunya Menteri yang dikekalkan jawatannya dalam kabinet terbaharu berbanding yang terdahulu.

YB Puan Hajah Zuraida dalam kenyataannya selepas pengumuman tersebut telah melahirkan rasa kesyukuran beliau atas kepercayaan yang diberikan kepadanya dan beliau telah menzahirkan komitmen yang tinggi untuk meneruskan usaha-usaha yang telah beliau laksanakan sepanjang 21 bulan berada di KPKT. Antara bidang yang akan diberi tumpuan khusus ialah memperkasa pembangunan mampan di bandar di samping menerajui program perumahan, perkhidmatan perbandaran, kebombaian dan

juga meneruskan agenda-agenda bagi membantu golongan B40 menerusi kerjasama kerajaan dengan pihak swasta.

Sementara itu, YB Dato' Sri Dr. Hj Ismail B. Hj. Abd Muttalib yang juga merupakan Ahli Parlimen Maran mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang pentadbiran awam memandangkan beliau merupakan bekas Pegawai Tadbir Dan Diplomatik (PTD). Beliau yang bergiat aktif dalam politik sejak tahun 1982 mempunyai pengalaman yang luas dalam pelbagai bidang termasuk pernah menjadi Setiausaha Keselamatan Daerah Lipis. Pengarah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Cawangan Pahang, Penolong Pegawai Daerah Maran, Pengurus Pentadbiran Yayasan Pahang, Timbalan Pengurus Besar Yayasan Basmi Kemiskinan dan Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam.

Gabungan mantap dua figura antara YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin dan YB Dato' Sri Dr. Hj Ismail B. Hj. Abd Muttalib pastinya akan berupaya memacu KPKT ke arah yang lebih cemerlang dalam meneraju kemakmuran komuniti bandar dan persekitaran mampan.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin terdiri daripada enam Jabatan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata, 6. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan; satu badan berkanun persekutuan iaitu Solid Waste Corporation Malaysia; dan tiga buah agensi iaitu Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*